

NOVEMBER
2023

Rasmi Kepada Masyarakat

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknp.gov.my

PKNP AGRO-TECH SDN. BHD. SUMBANG VAN KEPADA MAAHAD TAHFIZ AR-RUSHD, TG. GAHAI, LIPIS

Lipis, 25 November - PKNP Agro-Tech Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat milik penuh PKNP telah berbesar hati menyumbangkan sebuah van jenis Toyota Hiace untuk kegunaan pihak pengurusan dan pelajar-pelajar di Maahad Tahfiz Ar-Rushd, Tg. Gahai, Lipis dalam program yang telah diadakan di Dataran Santuari Kampung Tanjung Gahai, Lipis.

Sumbangan telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar diiringi Pengarah Eksekutif syarikat PKNP Agro-Tech Sdn. Bhd, Encik Mohamad Zali bin Mat Aris dengan gimik penyerahan 'mock key' van kepada YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Diharapkan dengan sumbangan ini dapat melancarkan lagi urusan pendaftaran dan pengurusan pelajar-pelajar di Maahad Tahfiz Ar-Rushd tersebut ke arah melahirkan khalifah yang cemerlang di dunia dan di akhirat. In Shaa Allah.



Sesi Penyerahan "Mock Key" kepada Maahad Tahfiz Ar-Rushd, Tg. Gahai, Lipis

SAMBUTAN HARI INTEGRITI PKNP TAHUN 2023



Barisan Pengurusan PKNP bersama Ketua Penolong Kanan Penguasa, Unit Pemeriksaan dan Perundingan, SPRM Negeri Pahang

rusan Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (KTW) dan Polisi Pemberian dan Penerimaan dan Hadiah.

Majlis sambutan ini diserikan lagi dengan ceramah yang telah disampaikan oleh Puan Nor Hasni Maria binti Ab Rahim, Ketua Penolong Kanan Penguasa (KPKPs) dari Unit Pemeriksaan dan Perundingan, SPRM Negeri Pahang. Beliau juga telah mengingatkan kesalahan - kesalahan rasuah serta hukuman yang bakal diterima oleh penjawat awam jika berlaku pelanggaran akta.

Kuantan, 9 November - Sambutan Hari Integriti PKNP Tahun 2023 telah diadakan dengan jayanya dengan bertemakan "Integriti Citra Malaysia Madani" bertempat di Dewan Utama EDC, Tingkat 3, Kompleks Terutum, Kuantan.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dalam ucapan perasmianya telah menekankan beberapa perkara mengenai kepentingan integriti di kalangan anggota pekerja khususnya di PKNP, termasuklah anak-anak syarikat PKNP. Ini selaras dengan program-program yang telah disusun sepanjang tahun 2023 termasuklah Taklimat Integriti Oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP sendiri pada bulan April tahun ini, pemantapan Pegawai Integriti Bertauliah (CelO) PKNP, kursus-kursus anti rasuah, kempen-kempen serta polisi-polisi anti rasuah yang telah diperkenalkan seperti Polisi Pengu-

Selain itu, YH. Dato' Mohd Faizal juga telah menyampaikan hadiah bagi pertandingan "Integrity Word Cross" yang telah dimenangi oleh seramai 10 orang anggota pekerja. Turut hadir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus-Pengurus Bahagian/Unit, Pengurus Anak Syarikat, serta seluruh anggota pekerja PKNP.



Puan Nor Hasni Maria binti Ab Rahim menyampaikan ceramah



Antara pemenang pertandingan "Integrity Word Cross"

LAWATAN PENANDA ARAS PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH (PKNK) KE PKNP ERATKAN JALINAN UKHWAH SESAMA ORGANISASI



Sesi perbualan di antara Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP dan Ketua Pegawai Korporat PKNK

Kuantan, 23 November - Seramai 19 orang anggota delegasi daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) telah menyertai lawatan penanda aras selama dua (2) hari ke PKNP.

Lawatan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Korporat PKNK, Puan Maheran binti Manan telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh YH. Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar yang mana dalam ucapan beliau, YH. Ketua Pegawai Eksekutif berharap agar lawatan selama dua (2) hari ini akan memberikan manfaat kepada anggota delegasi daripada PKNK dalam bertukar - tukar pengalaman serta berkongsi ilmu ke arah memajukan organisasi masing - masing.

Seterusnya, program diteruskan dengan pembentangan Latar Belakang, Peranan dan Fungsi Utama PKNP oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP, Y.Bhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin kepada anggota delegasi PKNK. Y.Bhg. Datin Hajah Noraskin selaku Ketua Pegawai Digital PKNP selanjutnya telah berkongsi tentang Kerangka Pelan Digital

PKNP dan sesi pembentangan tersebut turut dibantu oleh Pengurus ICT PKNP, Puan Nor Azilah binti Abdul Aziz serta pegawai - pegawai PKNP dari Bahagian Pembangunan Hartanah, Encik Ahmad Nur Azril Che Rezali dan Pegawai Perindustrian, Puan Nur Afiqah Haballah.

Dalam aturcara lawatan yang telah dirancang juga, anggota delegasi juga turut dibawa ke anak - anak syarikat 100% milik PKNP iaitu Realistic Attraction Sdn. Bhd. (RASB) dan RT Development & Engineering Sdn. Bhd. (RTDE) bagi perkongsian ilmu mengenai produk Tenun Pahang Diraja serta Projek - Projek Hartanah yang dibangunkan oleh RTDE.

Turut serta dalam lawatan penanda aras ini adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP, Y. Bhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus - Pengurus Bahagian/ Unit serta pegawai - pegawai kanan di PKNP.



Sesi lawatan anggota delegasi PKNK ke Tenun Pahang Diraja

LAWATAN DELEGASI UNIPSAS KE KOMPLEKS MAKANAN HALAL NEGERI PAHANG, TAMAN TEKNOLOGI PAHANG, GAMBANG

Kuantan, 23 November - PKNP telahpun menerima lawatan dari delegasi Universiti Islam Sultan Ahmad Shah (UniPSAS) ke Kompleks Makanan Halal Negeri Pahang, Taman Teknologi Pahang, Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur pada hari ini.

Kompleks Makanan Halal Negeri Pahang ini merupakan sebuah hab halal yang berpotensi untuk terus dibangunkan dan dimajukan di Negeri Pahang.

Lawatan delegasi UniPSAS telah disertai oleh Naib Canselor UniPSAS, Profesor Madya Dato' Dr. Haji Mohd Zawawi bin Zainal Abidin, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik, Profesor Madya Dr. Muhammad Fadly bin Ismail, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi, Dr. Norahida binti Mohamed, dekan, ketua jabatan dan pensyarah UniPSAS.

Tujuan lawatan tersebut adalah sebagai titik permulaan kepada cadangan kerjasama di antara PKNP



Sesi perbincangan di antara Naib Canselor UniPSAS dan peserta lawatan delegasi

dan UniPSAS dalam mengembangkan lagi potensi hab halal sedia ada agar dapat memberikan manfaat yang lebih menyeluruh terutamanya kepada rakyat di Negeri Pahang.

Turut hadir dalam sesi lawatan ialah Penolong Pengurus Perindustrian, Encik Mohd Rizal bin Redzuan dan pegawai - pegawai Bahagian Perindustrian.

KEJOHANAN GOLF MINI GEMAPUTERA 2023

Kuantan, 18 November - Penganjuran Kejohanan Golf Mini Gemaputra 2023 telah diadakan di Mahkota Golf Country & Club (MGCC), Kuantan dan telah berlangsung dengan jayanya dalam keadaan cuaca yang amat baik.



Barisan peserta Kejohanan Golf Mini Gemaputra 2023

Sebanyak 11 pasukan yang terdiri daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dari seluruh Malaysia telah turut serta dalam kejohanan ini yang melibatkan seramai kira-kira 84 peserta termasuk peserta VVIP.

Y.H. Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dalam ucapan perasmian beliau telah merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada seluruh PKEN yang merupakan ahli gabungan di bawah GEMAPUTERA yang telah memberikan sokongan kepada PKNP selaku tuan rumah bagi penganjuran kejohanan ini dan berharap agar jalinan ukhwah yang terjalin antara sesama PKEN dapat ditingkatkan dan diteruskan dari semasa ke semasa.

Antara peserta VVIP turut serta dalam kejohanan ini adalah Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka - Y.Bhg. Datuk Wira Zaidi bin Johari, Ketua Pegawai Eksekutif Melaka Corporation (MCorp), Y.Bhg. Datuk Mohd Yusof bin Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif PKNS - Y.Bhg Dato' Mahmud bin Abbas, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMINT - Y.Bhg. Dato' Haji Wan Adnan bin Wan Derahman, Ahli Perbadanan PKNP - Y.H. Dato' Wan Asmadi bin Wan Ahmad, Ahli - Ahli Lembaga Pengarah, Ketua - Ketua Pegawai Eksekutif Anak - Anak Syarikat serta Pengurus- Pengurus Kanan.

Turut hadir di pihak PKNP pula adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Y.Bhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek serta Pengurus - Pengurus Bahagian/Unit di PKNP.



Barisan peserta mengabdikan kenangan di hadapan hadiah "Hole-In-One"

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PELABUR SEKTOR PERKILANGAN NEGERI PAHANG

Kuantan, 23 November - PKNP telah menerima satu kunjung hormat daripada Syarikat Wilhelmina Energy Malaysia Sdn. Bhd. baru-baru ini.

Produk yang dihasilkan syarikat ini adalah "TG2-Pallet" iaitu bahan bakar yang menggantikan arang batu dan kini sedang beroperasi di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan.

Y.H. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP berbesar hati menyambut kedatangan pihak syarikat yang diketuai oleh Mr. Raj selaku pengarah.

Turut bersama dalam sesi ini adalah pegawai-pegawai di Bahagian Perindustrian PKNP.



Kunjungan hormat daripada Syarikat Wilhelmina Energy Malaysia Sdn. Bhd.

KUNJUNGAN HORMAT SIRIM BERHAD KE ATAS PKNP



Sesi penyerahan t-shirt oleh Pengurus SIRIM Berhad sebagai tanda kenang-kenangan

Kuantan, 20 November - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Y.H. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Pengurus SIRIM Berhad, Datuk Ir (Dr) Khairol Anuar Mohamad Tawi.

Objektif kunjungan hormat ini adalah untuk bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman serta mengeratkan jalinan kerjasama antara SIRIM bersama PKNP.

Turut serta dalam pertemuan ini, Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM, Dato' Indera Dr Ahmad Sabirin Arshad, Pengurus Pentadbiran dan Sumber Manusia PKNP, Puan Nooremi binti Musa, Pengurus Pengurusan Kualiti, Risiko dan Integriti PKNP, Puan Marlia binti Osman serta delegasi SIRIM Berhad.

KUNJUNGAN HORMAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP KE PUSAT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) WEMSB DI KAWASAN PERINDUSTRIAN GEBENG, KUANTAN



Kunjungan kali pertama PKNP ke Wilhelmina Research & Development Centre, Wilhelmina Energy Malaysia Sdn. Bhd

Kuantan, 27 November - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dan pegawai-pegawai Bahagian Perindustrian telah mengadakan kunjungan hormat ke Wilhelmina Research & Development Centre, Wilhelmina Energy Malaysia Sdn. Bhd. (WEMSB).

PKNP sebagai Agensi Perkhidmatan Setempat (OSA) dalam sektor perkilangan di negeri Pahang sentiasa komited dalam membantu para pelabur untuk terus melabur di negeri Pahang bagi meningkatkan ekonomi dan seterusnya menjadikan negeri Pahang sebagai sebuah negeri mesra pelabur dari dalam maupun luar negara.

PROGRAM RAKAN NIAGA MYPRENEUR SIRI 1 NEGERI PAHANG TAHUN 2023

Kuantan, 28 November - Program Rakan Niaga MyPreneur anjuran Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) bersama Jabatan Belia & Sukan Negeri Pahang (JBS) telah diadakan baru - baru ini bertempat di BCIC LODGE, Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Program ini merupakan program pendedahan kepada belia bimbangan PKNP dalam menjana idea mengenai kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh insituti kewangan dan agensi kerajaan.



Sesi penyerahan Sijil Penyertaan Program Rakan Niaga MyPreneur oleh Timbalan Pengarah (Belia) Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang

Seramai 47 orang peserta dalam kalangan belia telah menghadiri program ini yang mana telah dirasmikan oleh Tuan Shafrul bin Kadir, Timbalan Pengarah (Belia) Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang, turut hadir bersama Pengurus Pembangunan Komuniti & Keusahawanan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) Encik Nasry bin Kassim dan Ketua Pegawai Eksekutif Pahang Corporate Management Services Sdn Bhd, Encik Abd Rahim Ahmad.

Terdapat beberapa bank tempatan iaitu MAYBANK berkongsi mengenai pelbagai kemudahan seperti sama - sama Lokal TEKUN Nasional juga turut berkongsi mengenai pinjaman dan pembiayaan yang sediakan untuk usahawan.

Diharapkan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan melalui siri rakan niaga MyPreneur ini dapat diteruskan dalam usaha memperkasa dan melahirkan usahawan - usahawan muda yang berjaya di Negeri Pahang.

lensaPKNP
PHOTOGRAPHY

KEJOHANAN GOLF MINI GEMAPUTERA 2023



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Muhammad Farhan bin Mohd Kamarulzaman

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

JURUFOTO
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar